



TARIKH	SELASA, 26 NOVEMBER 2019
AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK ARTIKEL	AMBIL SEMULA SISA PLASTIK
M/S	23
BIDANG	MESTECC
KATA KUNCI	PLASTIC WASTE

Ambil semula sisa plastik

UK setuju bawa pulang 42 kontena di NBCT

Oleh Hairulazim
Mahmud
azim@hmetro.com.my

Putrajaya

United Kingdom (UK) bersetuju mengambil semula 42 kontena berisi sisa plastik yang terdampar di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT), Pulau Pinang sejak Januari lalu.

Kementerian Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar (MESTECC) dan Suruhanjaya Tinggi British di Kuala Lumpur dalam kenyataan bersama, semalam berkata, pihak berkuasa dan ejen perkapalan bekerjasama menyelesaikan proses penghantaran semula bahan sisa berkenaan.

Menurut kenyataan itu, keputusan itu dicapai selepas Agensi Alam Sekitar UK (EA) meninjau lokasi kontena itu ditinggalkan berikutan laporan media berkaitan penghantaran haram sisa plastik dari negara berkenaan.

Sementara itu, Menteri



YEO

Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar, Yeo Bee Yin berkata, kerjasama rapat Suruhanjaya Tinggi British dengan MESTECC untuk membawa pulang 42 kontena sampah plastik terbit sangat dipuji.

“Kerjasama ini menunjukkan kesepakatan bahawa pencemaran bahan plastik adalah isu global yang memerlukan komitmen daripada pelbagai negara.

“Kami harap kesepakatan antara Malaysia dan UK menjadi contoh kepada ne-

gara lain yang syarikat mereka mengeksport secara haram sisa plastik ke negara membangun,” tegasnya.

Dalam pada itu, Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaysia, Charles Hay berkata, kerajaan UK berkongsi kebimbangan yang sama dalam isu berkenaan.

“Membawa balik 42 kontena sisa plastik itu adalah bukti komitmen kami memerangi perdagangan sisa plastik secara haram.

“Kami berharap dapat menjalinkan kerjasama lebih luas dengan Kuala Lumpur dalam agenda memelihara alam sekitar dan perubahan iklim, lebih-lebih lagi UK mempengerusikan Persidangan Pelbagai Pihak ke Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (COP26) tahun depan,” katanya.

Kerajaan Malaysia sebelum ini menegaskan tidak akan membayar walau satu sen pun kos menghantar kontena berisi sisa plastik kembali ke negara asalnya.

DISEDIAKAN
OLEH

1-MOHD SHA AFFANDI BIN MD ARIPI (N41), BPM
2-RAJA MUSFARIZAL BINTI RAJA MUHAMAD (S19), BPM
UNIT PERKHIDMATAN MAKLUMAT, BPM